

# CUEPACS minta umum senarai ahli Suruhanjaya Khas

**P**UTRAJAYA: CUEPACS berharap Suruhanjaya Khas bagi mengkaji secara komprehensif dan holistik perkhidmatan awam negara, dapat ditubuhkan dalam bulan ini.

Presidennya, Datuk Omar Osman berkata sehingga kini kerajaan masih belum mengumumkan senarai ahli suruhanjaya itu.

"Harapnya dalam tempoh terdekat ini, sebelum bulan sambutan Hari Pekerja ini berlalu, mohon jasa baik kerajaan agar dapat umumkan senarai nama anggota suruhanjaya," katanya pada sidang media di Universiti Putra Malaysia di sini, semalam.

Beliau berkata kebanyakan anggota gabungan yang membuat pertanyaan mengenai adalah dari kalangan 23 kesatuan sekerja.

Penubuhan suruhanjaya itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada perjumpaan khas penjawat awam di Putrajaya pada 8 Mac lalu dan semasa acara itu Najib turut mengumumkan pembatalan Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA).

Omar berkata, beliau difahamkan suruhanjaya itu akan mencadangkan penampilan sistem gaji bagi menyelesaikan pelbagai isu yang dibangkitkan seperti gaji maksimum, kekananan pegawai, kenaikan pangkat, dan sebagainya. – BERNAMA